

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 29 Mei 2016 15:49
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: "LUAR BIASA PENCAPAIAN UUM" - SASTERAWAN NEGARA



29 MEI 2016 / 22 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

"LUAR BIASA PENCAPAIAN UUM" - SASTERAWAN NEGARA



ANJUNG TAMU ONLINE: Pelbagai inisiatif inovasi sudah semestinya memerlukan komitmen semua warga UUM untuk meraih kejayaan demi kejayaan di peringkat domestik dan antarabangsa. Malah, proses yang inovatif di samping menggunakan kaedah pengurusan yang lebih efektif akan memacu universiti pengurusan terkemuka berterusan.

Dalam konteks tersebut, berdirinya Welcome Centre sebagai gerbang informasi serta R & R (Rehat dan Rawat) sebagai salah satu inovasi UUM telah menarik perhatian dan minat tetamu istimewa yang memberi pandangan semasa Discover UUM di Welcome Centre baru-baru ini.

Sasterawan Negara, yang juga penasihat serta pengarang di Universiti Teknologi Malaysia Press (UTM), Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin berkata beliau ingin mendekati UUM dalam aspek penubuhan awal dan perkembangan yang berterusan.

Beliau yang dilahirkan di Bachok, Kelantan cenderung menulis puisi serta menghasilkan cerpen, novel dan tulisan bercorak kesusasteraan. Malah, beliau telah berkecimpung dalam dunia penulisan selama lebih kurang 40 tahun.

Menurut beliau ketika berada di Welcome Centre,

“Sangat mengujakan”, “Lengkap”, “Menakjubkan”

“Satu persembahan untuk memperkenalkan maklumat UUM yang luar biasa”,

Dalam pada itu, turut mengiringi beliau, Kartunis bebas, Ahmad Hilmy Abdullah atau terkenal dengan gelaran nama ‘Mie’ berkata, “To discover the Secret of Sintok”.

“Kredit untuk UUM”, *Excellence!*”

Setelah selesai taklimat kenali UUM, Dr. Lim berkata,

“Pencapaian yang luar biasa”

“Welcome Centre boleh dijadikan contoh kepada universiti lain”,

“Selamat maju jaya”.

Justeru, lebih banyak cetusan idea diperlukan bagi memastikan inovasi yang telah dihasilkan kekal lestari untuk manfaat bersama selain memberi sumbangan signifikan untuk tetamu, pelancong dan orang ramai yang datang ke UUM.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pemasaran UTM Press, Yosman Mohd Bain, Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad serta Ketua Seksyen Produktiviti dan Jualan UUM Press, Kashfi Wahab.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

